

**PARLIMEN  
MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat  
Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI SELASA: 08 NOVEMBER 2011**

**CAWANGAN  
PERUNDANGAN PARLIMEN  
MALAYSIA.**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 2, 9 HINGGA 43 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8  
[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

**Nuraishah Abdullah  
CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA**

**SOALAM MO.:**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**  
**RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**DARI PAD A**      LfSAN

**KAWASAN**      Y.B. TUAN CHOW ICON YEOW TANJONG

**TARIKH**      8 NOVEMBER 2011 (SELASA)

**SOALAN**

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah bajet diberi untuk menaik taraf Bayan Lepas Expressway dari Batu Maung ke Jambatan Pulau Pinang (FT3113) dalam RMKe-10 dan apakah status pembinaan jejambat dan naik taraf jalan sedia ada.

**JAWAPAN:**  
Tuan Yang di-Pertua;

Untuk makluman Ahii Yang Berhormat, Kementerian Keija Raya teiah mengenalpasti Projek Menaiktaraf Bayan Lepas Expressway dari Batu Maung ke jambatan Pulau Pinang (FT3113) sebagai antara projek yang berkeutamaan tinggi untuk dilaksanakan dalam RMKe-10. Projek ini teiah melalui Makmal Pengurusan Nilai (Value Management) yang bertujuan untuk memaksimumkan value for money dan meningkatkan keberkesanan pelaksanaan projek. Kos projek ini teiah dianggarkan sebanyak RM226.1 juta dengan skop projek seperti berikut:

- (i) menaiktaraf Lebuhraya Bayan Lepas dari Batu Maung menuju ke jambatan Pulau Pinang sepanjang 4.5 kilometer dari 4 lorong dua hala kepada 6 lorong dua hala;
- (ii) pembinaan dua elevated U-turn di antara persimpangan bertingkat Sungai Nibong ke Persimpangan Batu Maung;
- (iii) pelebaran tiga buah jambatan dari 4 lorong dua hala kepada 6 lorong dua hala di Sg. Kluang, Sg. Tiram dan jambatan di satu perparitan utama; dan
- (iv) Pembinaan 2 directional ramp di persimpangan jalan Sg. Kluang dan persimpangan Batu Maung.

Projek ini teiah diluluskan bagi tujuan reka bentuk dalam rolling plan kedua, RMKe-10 dan pihak Kementerian akan berusaha berbincang dengan Unit **Perancang Ekonomi, jabatan Perdana Menteri untuk dilaksanakan dalam RMKe-10.**

**Sekian, terima kasih.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATO' HENRY SUM AGONG [ LAWAS ]

TARIKH

8 NOVEMBER 2011 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Henry Sum Agong [ Lawas ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan bilakah liputan (*coverage*) untuk jalur lebar diperluaskan ke kawasan-kawasan luar bandar khusus di kawasan Parlimen P.222 Lawas.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, kawasan Parlimen Lawas mempunyai liputan jalur lebar talian tetap *Asymmetric Digital Subscriber Line (ADSL)* dan liputan jalur lebar mudah alih 3G. Sebanyak dua buah kampung telah dijadikan Kampung Tanpa Wayar (KTW) di bawah program CSR manakala enam buah kampung lagi telah dikenalpasti untuk dijadikan lokasi Kampung Tanpa Wayar (KTW) yang akan dilaksanakan pada tahun ini.

Selain itu, satu Pusat Internet Rakyat (PIR) di Pejabat Penerangan Daerah Lawas dalam pelaksanaan dan dua Pusat Jalur Lebar Komuniti

## SOALAN NO: 9

(PJK) Daerah Lawas iaitu di Lawas dan Sunda telah siap dilaksanakan dan tiga Perpustakaan Jalur Lebar (PJL) dalam perancangan.

Bagi perluasan liputan mudah alih 3G pula, sebanyak empat kawasan di Lawas telah dikenalpasti di bawah program Time 3 dan ianya akan dilaksanakan pada akhir tahun ini.

Usaha-usaha untuk memperluaskan liputan jalur lebar di Lawas dan seluruh negara sedang dilaksanakan secara berterusan.



PEMBERITAHU. PERTAIMAN....DEYAIM . IRA ICY AT

PERTANYAAN : LISAN

DARSPADA : Y.B. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA  
(PADANG TERAP)

TARIKH : 08.11.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN SIQHD, NASIR BIN ZAKARIA [ PADANG TERAP 1 minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) perkembangan program Susu Satu Malaysia, adakah benar berlaku keracunan di Sekolah Kebangsaan Tandop Besar Padang Terap akibat susu yang dibekalkan pada tahun ini; dan
- (b) apakah tindakan yang diambil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Program Susu Sekolah (PSS) merupakan sebahagian daripada program Rancangan Makanan Tambahan yang bertujuan untuk menggalakkan amalan meminum susu dalam kalangan murid-murid sekolah rendah di seluruh negara. Justeru, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melancarkan Program Susu 1 Malaysia (PS1IVI) pada 16 September 2010 dengan melaksanakannya secara berperingkat mulai bulan April 2011. Sehingga kini seramai 1,424,866 murid telah terlibat dalam program ini.



Berhubung dengan kes keracunan di SK Tandop Besar seperti yang didakwa, KPM mendapati keracunan tersebut bukan berpunca daripada susu yang dibekalkan. Ini adalah berdasarkan kepada keputusan ujian yang dijalankan terhadap sampel susu adalah negatif. Walau bagaimanapun, KPM sentiasa memastikan semua pembekal susu, pengusaha kantin dan pembekal makanan di asrama mematuhi peraturan-peraturan dan standard yang ditetapkan bagi mengelakkan kejadian keracunan daripada berulang.

Sehubungan itu, KPM dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Jawatankuasa Program 3K (Kesihatan, Keselamatan dan Keceriaan) telah mengambil pelbagai langkah bagi memastikan kejadian keracunan tidak akan berulang. KPM bersama KKM akan memantau secara berkala dan mengambil sampel untuk menguji susu yang dibekalkan ke sekolah-sekolah. Selain itu, KPM juga telah memberi taklimat kepada semua Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan sekolah tentang garis panduan pelaksanaan Program Susu 1 Malaysia di sekolah-sekolah.

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PAD A

TUAN TAN TEE BENG [NIBONG TEBAL]

TARIKH

8 NOVEMBER 2011 (SELASA)

SOALAN

Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah bantuan yang diberikan kepada pengusaha burung walit setelah pengimport terbesar, Negara China, mengharamkan mengimport sarang burung walit itu dan adakah apa-apa perancangan yang akan diambil oleh Kementerian untuk menangani masalah bahan-bahan kimia yang terdapat di dalam sarang burung tersebut.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan China tidak mengharamkan pengimportan sarang burung walit dari Malaysia dan isu yang timbul adalah berkaitan dengan pengimportan produk sarang burung walit yang teiah ditolak oleh pihak berkuasa China atas alasan kandungan *nitrite* yang tinggi. Bagi tujuan memelihara kepentingan industri ini, Jabatan Perkhidmatan Veterinar teiah melakukan beberapa perancangan bagi menambah baik potensi industri *Edible-Birdnest* (EBN) di Malaysia di samping menambah baik prosedur eksport bagi mengembalikan kepercayaan pengguna khususnya di Negara China. Antara pendekatan yang diambil oleh Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar adalah:

Melarang pengeluaran sarang darah (*blood nest*) dan mengenakan tindakan kepada pengusaha yang terlibat;

Mewajibkan pendaftaran untuk semua premis penternakan dan pemprosesan dengan persijilan SALT & VHM bagi tujuan jejak daya (*traceability*)\

- iii. Memastikan semua operator dan pengeksport EBN memperoleh permit eksport dan SKV dari DVS bagi tujuan eksport dan sijil hanya diberikan untuk produk-produk yang mematuhi standard MS;
- iv. Memastikan *raw cleaned* dan *raw un-cleaned* EBN yang dibenarkan untuk dieksport menggunakan 2 jenis sijil dokumen eksport yang akan diberi kepada AQSIQ untuk rujukan;
- v. Mendapatkan persetujuan semua pengusaha EBN untuk meletakkan tahap nitrite yang mampu dicapai pada 70ppm untuk *raw cleaned* dan *un-cleaned* EBN. Pihak DVS akan membantu pihak industri untuk mencapai tahap 30ppm dan ke bawah secara berperingkat dalam tempoh masa yang akan ditetapkan;
- vi. Mewajibkan semua pengeksport EBN (gua atau rumah) untuk mengemukakan maklumat yang tepat kepada pengimport;
- vii. Memperkukuhkan kapasiti makmal bagi tujuan aplikasi analisa sampel eksport yang lebih tepat dan berkongsi maklumat berkaitan eksport EBN dengan pihak AQSIQ bertujuan penyelarasan piawaian metodologi ujian makmal; dan
- viii. Memaklumkan kepada pihak AQSIQ berkaitan dengan standard yang teiah sedia ada untuk sarang burung walit seperti piawaian produk sistem pengeluaran berkualiti (MS 2334:2011 - *Edible-Birdnest* (EBN), MS 2333:2010 - *Good Manufacturing Practice* (GMP) dan MS2273:2009 - *Good Animal Husbandry Practices*).

Pada masa yang sama bagi tujuan mempromosi produk EBN di kalangan pelancong, setiap pelancong akan dibenarkan untuk membawa keluar 1kg *raw cleaned* EBN dengan dokumen yang lengkap dari pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING**

**[ TAIPING ]**

**TARIKH : 8 NOVEMBER 2011**  
:

**SOALAN**

**TUAN NGA KOR MING** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci status terkini rancangan Kerajaan untuk mendirikan dua buah loji tenaga nuklear di negara ini serta jumlah bajet yang dirangka.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, Kerajaan belum membuat sebarang keputusan mengenai pelaksanaan projek pembinaan loji janakuasa nuklear. Aktiviti yang sedang dilaksanakan adalah hanya tertumpu kepada kajian-kajian terperinci untuk mengenalpasti pelbagai keperluan dan persediaan awal negara, sekiranya sesuatu projek loji janakuasa nuklear dilaksanakan. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa, sekiranya penjanaan kuasa nuklear diperlukan bagi memenuhi permintaan tenaga negara pada masa hadapan, semua aspek persediaan telah diambilkira secara terperinci dan komprehensif lebih awal.

Oleh itu, kos sebenar bagi loji-loji janakuasa nuklear berkenaan akan hanya diketahui selepas kajian-kajian terperinci tersebut siap dilaksanakan. Walau bagaimana pun, sebagai panduan, kos bagi dua buah loji janakuasa nuklear yang disebut dalam buku Program Transformasi Ekonomi (ETP) adalah RM 21.3 billion.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN  
KEDUA BELAS TAHUN 2011 PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SIRINGAN BIN GUBAT  
(RANAU)**

**TARIKH : 8 NOVEMBER 2011**

**SOALAN**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

menyatakan status proses pelaksanaan projek jalan raya Tinompok / Bundu Tuhan/ Himbaan setakat ini. Bilakah projek tersebut dapat dimulakan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek membina jalan Tinompok/ Bundu Tuhan / Himbaan, Ranau Sabah telah disenaraikan di bawah NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar. Projek terlibat pembinaan jalan sepanjang 23.0 km dan anggaran kos berjumlah RM60.0 juta.

**Status terkini, projek dalam proses tawaran dan dijangka akan dilaksanakan pada bulan November 2011.**

PERTAWYAAAN : LS8AW

DARSPADA :Y.B. PUAN FONG PO KUAM  
(BATU GAJAH)

TARSKH ; 08.11.2011

**SOALAN:**

Y.B. PUAN FONG PO KUAM [ BATU GAJAH ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah Kementerian menyedari ada guru besar dan guru sekolah di bawah tekanan untuk memastikan pelajar dan sekolah menjadi cemerlang sehinggakan pelajar belajar di dalam suasana ketakutan dan tertekan dan apakah langkah-langkah mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada dasarnya, adalah menjadi tugas hakiki dan tanggungjawab semua Guru Besar dan guru sekolah untuk memastikan murid-murid di sekolah mereka mendapat pendidikan yang terbaik dan berkualiti. Ini termasuklah aspek-aspek pengajaran dan pembelajaran dan kemenjadian murid itu sendiri yang akhirnya akan menyumbang kepada kecemerlangan sesebuah sekolah itu. Perkara ini perlu dilihat dari sudut positif supaya dasar Kementerian untuk melonjakkan kecemerlangan sekolah dapat dicapai.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengakui memang terdapat aduan dan sungutan berhubung dengan beban tugas yang dihadapi oleh pengetua, guru besar dan guru sekolah seperti yang dibangkitkan oleh kesatuan-kesatuan guru

serta melalui kajian-kajian yang dijalankan. Keadaan tersebut sedikit sebanyak memberi tekanan semasa terhadap tugas dan tanggungjawab hakiki mereka.

Untuk makluman Ahli yang berhormat, perkara tersebut telah ditimbulkan pada minggu lepas dan saya telah memberikan ulasan yang panjang lebar berkaitan dengan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan melalui penubuhan Jawatankuasa Menangani Isu Beban Tugas Gum KPM. Antara tindakan yang telah diambil berdasarkan kepada 28 perakuan yang terhasil daripada 14 isu yang dikenal pasti ialah mengeluarkan arahan-arahan rasmi melalui surat-surat pekeliling ikhtisas dan penempatan pembantu tadbir di 50 sekolah yang dilaksanakan secara rintis. Hasil daripada tindakan penempatan pembantu tadbir ini akan hanya diketahui pada akhir tahun 2011. Pada masa kini Jawatankuasa berkenaan sedang dalam proses pengumpulan maklum balas terhadap tindakan yang telah diambil oleh KPM, dan penyelarasan serta tindakan susulan akan dilaksanakan bagi menangani isu beban tugas guru.

KPM juga akan sentiasa memantau dan menilai perkara tersebut dari semasa ke semasa bagi menjamin objektif pendidikan negara tercapai dan pada masa yang sama guru-guru di sekolah terbela dan tidak dibebankan dengan perkara- perkara yang tidak sepatutnya.

**SOALAN NO.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARI PADA Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN**

**KINABATANGAN 8 NOVEMBER 2011 (SELASA)**

**KAWASAN**

**TARIKH SOALAN**

**Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN**

**[KINABATANGAN] minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:**

- (a) jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk kerja- kerja membaik pulih jalan-jalan Persekutuan di seluruh negara terutamanya di kawasan Kinabatangan; dan
- (b) peruntukan untuk pembersihan bahu-bahu jalan raya Persekutuan di seluruh negeri Sabah.



## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Oktober 2011, Kementerian Kerja Raya telah membelanjakan sebanyak RM715.8 juta bagi Program Penyenggaraan Jalan-Jalan Persekutuan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1.51 juta telah dibelanjakan untuk kerja-kerja penyenggaraan rutin dan sebanyak RM2.15 juta telah dibelanjakan untuk kerja-kerja penyenggaraan berkala khusus untuk Jalan Persekutuan di kawasan Kinabatangan sepanjang 56.8 kilometer. Program Penyenggaraan jalan-jalan Persekutuan ini melibatkan kerja-kerja rutin (seperti penampalan *potholes*, pemotongan rumput, mencuci sistem perparitan dan pemasangan perabot jalan) dan kerja-kerja berkala (*periodic*), termasuk kerja-kerja kecemasan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM700 ribu bagi tahun 2011 untuk kerja-kerja pembersihan bahu jalan bagi jalan-jalan Persekutuan di seluruh negeri Sabah. Kerja-kerja pembersihan bahu jalan ini merupakan sebahagian daripada skop kerja-kerja penyenggaraan rutin yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi penyenggaraan jalan yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)**

**PERTANYAAN :        LISAN**

DARIPADA Y.B. TUAN AZAN BIN ISMAIL (INDERA MAHKOTA) NO. SOALAN: 17

TARIKH 8 NOVEMBER 2011 (SELASA)

SOALAN

Tuan Azan bin Ismail (Indera Mahkota) minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah pihak Kerajaan untuk mempertingkatkan kewajipan pembayaran zakat serta pengutipannya dan adakah langkah pematuhan akan dijadikan tumpuan sebagaimana cadangan Kerajaan Negeri Pahang

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Berbagai usaha telah dilakukan oleh Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) dan juga pusat zakat negeri bagi meningkatkan kutipan zakat, terutamanya melalui pendekatan dakwah dan kempen-kempen bagi meningkatkan kesedaran umat Islam untuk membayar zakat di seluruh negeri. Usaha-usaha promosi secara berterusan menerusi media cetak dan elektronik sentiasa dilakukan. Begitu juga usaha-usaha inovasi melalui kemudahan teknologi terkini bagi memudahkan pembayar zakat membuat pembayaran telah diperkenalkan termasuklah pembayaran secara online, potongan gaji, kaunter bergerak, kaedah sms dan lain-lain.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, urusan hal ehwal agama termasuk urusan penguatkuasaan undang-undang berkaitan zakat adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri mengikut **Jadual 9, Butiran I, Senarai II, Perlembagaan Persekutuan**. Terserah kepada budi bicara pihak berkuasa negeri-negeri berkenaan untuk membuat apa-apa pertimbangan.

Walau bagaimana pun, tidak membayar zakat merupakan satu kesalahan yang boleh diambil tindakan berdasarkan akta / enakmen yang berkuatkuasa di negeri masing-masing. Sebagai contoh Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559), Seksyen 16 bagi kesalahan tidak membayar zakat atau fitrah setelah disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Sekian, terima kasih.

/vo. SOACAM;

~~NO: AUM: 12~~

~~Kir> AIP • iiu. Aur~~

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [ SIBUTI ]

## JAWAPAN

TARIKH 8 NOVEMBER 2011

RUJUKAN 4160

### SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah status bagi anak-anak yang dilahirkan oleh pekerja seks secara haram kesan dari pemerdagangan manusia yang dihamilkan oleh warganegara Malaysia. Apakah status kerakyatan anak-anak tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sibuti yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penentuan taraf kewarganegaraan seorang individu adalah mengikut taraf kewarganegaraan dan status perkahwinan ibu bapa semasa kanak-kanak tersebut dilahirkan. Bagi warganegara yang telah melahirkan anak di luar perkahwinan yang sah, taraf kewarganegaraan kanak-kanak tersebut adalah mengikut taraf kewarganegaraan ibu. Ini adalah selaras dengan peruntukan yang termaktub di dalam Seksyen 17 Jadual Kedua, Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan menyatakan:

*“Berhubungan dengan seseorang anak luar nikah, sebutan mengenai bapa*

*atau ibu bapa, atau ibu atau bapanya adalah, bagi maksud Bahagian 3  
Perlembagaan ini, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai ibunya, dan oleh  
yang demikian seksyen 19 Jadual ini  
tidak dipakai bagi orang itu”*

Oleh yang demikian, sekiranya ibu kanak-kanak tersebut merupakan seorang warganegara, maka kanak-kanak tersebut disahkan sebagai warganegara secara kuatkuasa undang-undang mengikut taraf ibunya. Manakala sekiranya semasa kanak-kanak tersebut lahir dan ibu merupakan bukan warganegara, maka kanak-kanak tersebut juga adalah bertaraf bukan warganegara.

**NO. SOALAN : 18**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA** TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO  
[ KLANG ]  
**TARIKH** 8 NOVEMBER 2011  
**RUJUKAN** 4161  
**SOALAN:**

JAWAPAN :

Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [ Klang ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kos kewangan termasuk bilangan pasukan polis yang digunakan dan bilangan jentera seperti "*water canon*" yang digunakan untuk menyekat perhimpunan aman BERSIH 2.0 pada 9 Julai, 2011 dan berapakah jumlah kanister asap pemedih mata yang telah digunakan.  
Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gantang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bagi menangani perhimpunan haram BERSIH 2.0, PDRM telah menggerakkan sejumlah pegawai dan anggota untuk penugasan keselamatan termasuk mendapatkan bantuan anggota dari Kontinjen-kontinjen seluruh negara untuk membantu Kontinjen Kuala Lumpur.

Jumlah pegawai dan anggota polis yang telah dikerah untuk bertugas untuk menjaga keselamatan di kawasan Lembah Klang seramai 11,046 orang termasuk seramai 2,600 orang yang dikerah untuk siap sedia di Kontinjen-kontinjen seluruh negara dan akan dipanggil jika keadaan memerlukan. Pihak PDRM juga terpaksa membuat persiapan rapi yang memerlukan perbelanjaan bagi perolehan kelengkapan tambahan, makan minum, penginapan dan keperluan logistik yang lain. Kos keseluruhan yang dibelanja oleh PDRM bagi menangani perhimpunan

JAWAPAN :

tersebut adalah sebanyak RM 2,018,850.06. Selain itu, sebanyak 226 butir gas pemedih mata dan tujuh (7) buah jentera "*water cannon*" telah digunakan bagi meleraikan perhimpunan haram tersebut.





NO SOALAN: 19

PEMBERITAHUAN  
RAKYAT

PERTANYAAN DEWAN

PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA

Y.B DATO' SRI HAJI  
ZULHASNAN BIN RAFIQUE  
(SETIAWANGSA)

TARIKH

08.11.2011  
(SELASA)

SOALAN :

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk mempertingkatkan penglibatan golongan bekas tentera di dalam aktiviti ketenteraan di negara ini dan bagaimana ianya dapat dikaitkan dengan usaha Kementerian untuk mempertingkatkan kesejahteraan golongan bekas tentera.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan tiada halangan terhadap bekas-bekas anggota tentera untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti ketenteraan atau seumpamanya. Bekas-bekas anggota tentera adalah bebas untuk bekerja di mana-mana syarikat yang ada mengusahakan industri pertahanan terutama mereka yang mempunyai kepakaran tertentu. Pada mereka yang berhenti awal dari perkhidmatan dan masih muda, mereka boleh menyertai pasukan simpanan sukarela seperti menyertai Askar Wataniah dan pihak Kementerian sentiasa mengalu-alukan penglibatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya, semua Veteran sebelum bersara akan menjalani Latihan Peralihan di Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) termasuk dalam sektor industri pertahanan. Apabila selesai Latihan Peralihan ini, Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) melalui Bahagian Kerjaya dan Sosioekonomi (BKS) menyediakan perkhidmatan penjodohan pekerjaan untuk Veteran yang mempunyai kepakaran khusus terutamanya dalam bidang persenjataan dan komunikasi pertahanan. JHEV akan memajukan tawaran pekerjaan daripada majikan dari sektor industri pertahanan kepada Veteran yang berminat dan sentiasa memberi sokongan jika mereka layak untuk menjawat jawatan tersebut.

MESY KETIGA DR 08.11.11 - DATO' SRI HJ ZULHASNAN [SETIAWANGSA] BEKAS TENTERA

Buat masa ini, pihak Kerajaan tidak mempunyai apa-apa polisi bagi menyerap bekas-bekas tentera secara automatik dalam mana- mana perkhidmatan keselamatan negara seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM). PDRM mempunyai syarat-syarat perkhidmatan tersendiri yang harus dipenuhi oleh Veteran ATM yang ingin menyertainya. Sehingga kini, perkhidmatan keselamatan (termasuk PDRM) yang lain adalah bersifat sukarela. peng

Pada bulan April 2008, Ketua Polis Negara (KPN) telah mengisytiharkan pengambilan bekas-bekas tentera untuk berkhidmat ke dalam PDRM. Rancangan ini merupakan sebahagian daripada rancangan pembesaran PDRM untuk menambah bilangan anggota hingga mencapai jumlah seramai 180,000 menjelang tahun 2011. Perancangan ini memerlukan PDRM mengisi kekosongan jawatan sebanyak 60,000 perjawatan.

Untuk tahun 2010, PDRM juga telah menawarkan sebanyak 100 jawatan kepada para Veteran yang berminat manakala bagi tahun 2011 sehingga hari ini, terdapat 129 pemohon yang berminat menyertai PDRM.

PEMBERITAHO PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DR. LEE BOON CHYE  
KAWASAN GOPEN  
TARIKH G  
NO. SOALAN 08.11.2011 (SELASA)  
>0

minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan mengapa LYNAS terus diberi kebenaran untuk proses tanah nadir di Gebeng, Pahang, sedangkan negara asalnya, iaitu Australia menolaknya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Semasa Mutamar PAS ke-57 pada Jun 2011 beberapa isu telah dibangkitkan oleh perwakilan termasuklah isu Lynas di mana usul telah dibentangkan supaya Kerajaan menghentikan projek tersebut YB Dato' Seri Hadi Awang, Presiden PAS di dalam ucapan penqqulungannva telah menyatakan bahawa isu ini perlu diruiuk kepada Pakar. Beliau seterusnya menambah bahawa PAS mempunyai pakar nuklear, iaitu YB Dr. Rosli Che Mat, Ahli Parlimen Hulu Langat.

Semasa ditemuramah oleh Karam Singh Walla di dalam seamen khas mengenai Lvnas di TV3 pada September 2011, YB Dr. Che Rosli Che Mat. Ahli Parlimen PAS Hulu Langat yang seorang saintis nuklear telah menyatakan bahawa Lvnas bukan sebuah ioii nukiear tetapi hanya memproses bahan tabii iaitu nadir bumi daripada Mount Weld, Australia yang lebih rendah dari segi radiasinya kalau dibandingkan dengan lombong biih.

Beliau turut menyatakan bahawa penduduk Kuantan tidak perlu takut dengan kewujudan kilang kimia Lvnas. Tuduhan yang dibuat oleh kumpulan anti-Lynas adalah tidak saintifik dan tidak akademik langsung. YB Dr. Che Rosli turut mengakui kilang kimia Lvnas adalah selamat setelah dilihat dari segi infrastrukturnya, bahan yang dibawa dan kaedah-kaedah pemantauan oleh agensi-agensi seperti Lembaga Pelesenan Tenaga Atom dan Nuklear Malaysia.

Pandangan beliau turut disokong oleh Profesor Dr. Ahmad Termizi Ramli, seorang Pakar Keselamatan Radiologi dan Kesihatan. Beliau berpandangan risiko bukan alasan untuk mengharamkan sesuatu perkara jika ia berpadanan dengan manfaat. Beliau menambah bahawa dos sinaran yang dikeluarkan oleh aktiviti projek Lynas terlalu rendah setara dengan yang sedia ada dalam alam sekitar dan memenuhi standard piawaian antarabangsa Oleh itu, tidak lojik menvamakan kilang Lvnas dengan loii nukiear di Fukushima, Jepun.

Prof. Ahmad Termizi juga menvangkal pembohongan bahawa kilang Lynas terbabit tidak dapat beroperasi di Australia kerana tidak



dilesenkan kerajaan negara itu. Lynas mempunyai lesen untuk beroperasi di Australia tapi kos tingqi. Syarikat memilih Malaysia kerana Malaysia mempunyai Infrastruktur vanq baik dan kos pengeluaran per unit vanq boleh bersainq di pasaran dunia.

Untuk makluman Yang Berhormat, secara kesimpulannya, kedua-dua pakar sains nuklear ini bersetuiu kilanq kimia Lynas adalah selamat untuk beroperasi, selain bakal membawa pertumbuhan sektor ekonomi di Pahang.

Tuan Yang Dipertua,

Projek pemprosesan nadir bumi oleh Lynas Malaysia Sdn. Bhd. diluluskan lesen pengilangan selepas Kerajaan menilai aspek keselamatan awam berdasarkan kepada dua Akta yang berkaitan iaitu:

- ® Akta Pelesenan Tenaga Atom, 1984 di bawah Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA); dan
- Akta Kualiti Alam Sekitar, 1970 di bawah Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Standard keselamatan dan amalan baik yang dikuatkuasakan oleh dua badan penguatkuasa terse but adalah sama atau setara yang d i rkti raf antarabangsa.

Walau bagaimanapun, ekoran kebimbangan masyarakat tempatan berhubung dengan keselamatan projek tersebut, satu Panel Pakar Bebas Antarabangsa telah diantlk oleh *International Atomic Energy Agency* (IAEA) untuk menqkaii semula semua aspek kesihatan dan keselamatan projek ini.

Anggota panel yang terdiri daripada 9 orang pakar dari IAEA, Kanada, India, United Kingdom, Belanda dan Afrika Selatan telah melawat Malaysia dan 29 Mei hingga 3 Jun 2011 dalam misi mencari fakta yang turut melibatkan penemuan dengan pihak awam termasuk persatuan penduduk, kumpulan komuniti, organisasi bukan kerajaan, badan profesional dan parti politik, bagi mendapatkan pandangan-pandangan.

Pada 30 Jun 2011, Panel Pakar telah mengemukakan laporan lengkap di mana antara penemuan utama ialah Syarikat Lynas sehingga kini telah mematuhi standard keselamatan radiasi yang digariskan oleh LPTA dan JAS. Laporan tersebut turut menyatakan bahawa undang-undang dan peraturan Malaysia berhubung dengan keselamatan radiasi adalah komprehensif dan mematuhi standard keselamatan IAEA.

Panel Pakar telah mengemukakan 11 saranan untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pihak awam dan alam sekitar terpeliharai. Kerajaan menerimapakai semua saranan dalam laporan Panel tersebut dan akan memastikan kesemuanya dilaksanakan.

Lynas juga perlu mengemukakan plan pengurusan sisa untuk kelulusan LPTA sebelum dibenarkan memulakan operasi. Plan ini akan diedarkan untuk pengetahuan pihak awam apabila ianya diuluskan kelak.

Tuan Yang Dipertua,

Projek ini merupakan industri yang strategik kepada negara kerana:

- MenghasiEkan bahan mentah/input yang penting bagi keluaran



berteknologi tinggi seperti *compactflorescertt lamp, auto catalytic converter, flat panel displat, disk drives dan super magnets for renewable energy industry;*

- Mewujudkan peluang pekerjaan kepada seramai 400 orang rakvat tempatan;
- Meningkatkan pendapatan pertukaran mata asing negara dengan pelaburan sebanyak RM1.74 bilion;
- Pemindahan teknologi dengan menyediakan latihan berjumlah RM2.7 iuta setahun kepada pekerja-pekerja tempatan;
- Membelanjakan sebanyak RMli.03 iuta untuk aktivitr penvelidikan dan pembangunan;
- Pembelian bahan mentah tempatan yang dianggarkan sebanyak RM130 iuta setahun: dan

- Menjana aktiviti ekonomi perkhidmatan tempatan sebanyak RM23.3 juta setahun dan penggunaan utiliti seperti elektrik dan air yang beriumlah RM38.6 iutasetahun. .

Saya ingin tegaskan disini bahawa periaksanaan projek Lynas akan ditentukan berdasarkan fakta dan ianya tidak perlu dipolitikkan.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

LISAN  
PERTANYAAN DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [ PUTATAN ]  
DARIPADA 8 NOVEMBER 2011  
TARIKH 4159  
RUJUKAN  
SOALAN:

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) jenis tindakan yang telah diambil ke atas pemimpin badan bukan Kerajaan (NGO) serta pertubuhan politik, yang terlibat dalam demonstrasi yang telah menggugat ketenteraman awam; dan

(b) berapa ramai yang telah didakwa dan disabit kesalahan bagi demonstrasi Julai 2011 lepas.

JAWAPAN:  
Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Putatan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), Kerajaan memandang serius serta tidak teragak-agak untuk mengambil sebarang tindakan di bawah peruntukkan undang-undang sedia ada untuk membanteras sebarang bentuk kegiatan yang cuba dicetuskan oleh mana-mana pihak sehingga menggugat keselamatan dan ketenteraman awam dan ini termasuklah pemimpin mana-mana badan bukan Kerajaan (NGO) serta pertubuhan politik.

Bagi menjawab soalan (b) pula, seramai 1,509 orang telah ditahan dan diambil keterangan kerana menyertai perhimpunan haram pada 9 Julai 2011 dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 63 kertas siasatan telah dibuka dan telahpun dirujuk ke Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya.

11/0 22  
■NO: AUM :-18-

MO AMP •

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD  
[SHAH ALAM]

TARIKH 8 NOVEMBER 2011

RUJUKAN : 4163

SOALAN:

Tuan Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah rusuhan di London dilihat oleh Kementeriannya sebagai sesuatu yang sama dengan Himpunan Bersih 2.0.

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Gajah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, rusuhan yang berlaku di London dan perhimpunan haram BERSIH adalah tidak sama berdasarkan tuntutan yang berbeza serta cara menangani perhimpunan haram juga adalah berbeza kerana Kerajaan Malaysia telah menangani perhimpunan haram BERSIH dengan cara berhemah dan mengikut peruntukkan undang-undang yang sedia ada.

**FEMBERTAHU**  
**PERTANYAAN DEWAN**  
**RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LfSAM**

DARIPADA : YB DATUK HAJI MOHAMED  
JAWAPAN: BIN HAJI AZIZ [ SRI GADING ]

TARIKH JAWAB : 8.11.2011 (KHAMIS)

NO. SOALAN : jttf

YB DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ minta MENTERI  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI  
menyatakan apakah langkah-langkah yang lebih agresif dalam  
menggalak dan meningkatkan hubungan ekonomi antara  
Malaysia dan China.

### JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

China merupakan rakan perdagangan terbesar Malaysia pada tahun 2010 dengan nilai RM147 bilion atau 12.6% daripada jumlah perdagangan Malaysia secara global. Malaysia juga merupakan rakan perdagangan China terbesar di kalangan negara-negara ASEAN.

Hubungan dua hala Malaysia dan China terns terjalin melalui penglibatan pemimpin tertinggi kedua-dua negara melalui lawatan rasmi Presiden China, TYT Hu Jintao dan Perdana Menteri China, TYT Wen Jiabao ke Malaysia pada 10 - 11 November 2009 serta 27 - 28 April 2011. YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri juga mengadakan lawatan rasmi ke China dari 2-5 Jun 2009 dan dari 18 - 24 April 2011 masing-masing.

Pertukaran lawatan yang kerap di antara pemimpin-pemimpin tertinggi kedua-dua negara ini telah menunjukkan hasrat dan komitmen untuk meningkatkan hubungan dua hala dalam bidang politik dan juga ekonomi serta perdagangan. Semasa lawatan Perdana Menteri China TYT Wen Jiabao ke Kuala Lumpur pada 27 dan 28 April 2011, kedua-dua pemimpin bertekad meningkatkan dan menggandakan nifai perdagangan dua hala Malaysia - China dalam tempoh masa lima tahun. TYT Wen Jiabao juga telah menyeru pelabur-pelabur dari China untuk meningkatkan pelaburan mereka di Malaysia.

Tuan Yang DiPertua,

Antara langkah-langkah yang diambil dalam menggalak dan meningkatkan hubungan ekonomi di antara Malaysia dan China adalah melalui:

**(I) Suruhanjaya Bersama Ekonomi dan Perdagangan (Joint Economic and Trade Commission - JETC) yang**



dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta TYT Menteri Perdagangan China untuk memantapkan lagi strategi peningkatan kerjasama ekonomi dan perdagangan dua hala serta menangani- isu-isu perdagangan dan pelaburan yang dihadapi oleh kedua- dua pihak. Mesyuarat JETC yang Ke-9 akan diadakan di Beijing pada 19 Oktober 2011;

(ii) **Economic Cooperation Working Group (ECWG)**

peringkat pegawai kanan yang diselaraskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan dianggotai oleh wakii kementerian dan agensi yang berkaitan bagj pihak Malaysia dan Kementerian Perdagangan. China. ECWG telah ditubuhkan lanjutan daripada Perjanjian Untuk Memperluas dan Mempertingkatkan Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan China yang ditandatangani oleh kedua-dua Menteri Perdagangan pada 28 April 2011 (semasa lawatan Perdana Menteri China TYT Wen Jiabao ke Malaysia). ECWG ditugaskan untuk merancang dan mengenal pasti program-program kerjasama ekonomi dua hala, umpamanya dalam bidang pertanian, perkhidmatan, pelancongan, ICT dan sektor- sektor lain yang saling memanfaatkan kedua-dua buah negara;

(iii) **Hubungan Ekonomi Dengan Wilayah-Wilayah China yang Lebih Erat**

Selain menjalin hubungan ekonomi di peringkat pusat negara China, MITI juga telah sering menerima lawatan daripada delegasi-delegasi dari wilayah-wilayah China seperti Guangxi dan Jilin yang berminat untuk mencari peluang-peluang perniagaan dan pelaburan di Malaysia. Pada 10 September 2011, pihak *East Coast Economic Region Development Council* (ECERDC) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kerajaan Wenzhou untuk bersama-sama memajukan kawasan Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia;

(iv) **Usahasama dan kolaborasi dengan sektor swasta**

terutamanya dewan-dewan perniagaan (chambers of commerce) seperti *Malaysia-China Chamber of Commerce* (MCCC) dan *Malaysia-China Business Council* (MCBC) dalam menarik pelaburan daripada China menerusi penganjuran persidangan antarabangsa yang melibatkan diaspora peniaga China termasuk *Malaysia international Chinese Business Forum* pada Disember 2010, *Malaysia-China Trade, Economic and investment Forum* pada April 2011, dan *Malaysia-China Trade and Investment International Conference* dari 10 hingga 11 September 2011. *Forbes Global CEO Conference* yang telah diadakan dari 12 hingga 14 September 2011 juga

berjaya mendapat penyertaan ketua-ketua eksekutif syarikat-syarikat China yang ternama; dan

- (v) **Lawatan Kerja dan Penganjuran Misi Gaiakan Perdagangan dan Pelaburan Ke China yang Lebih Kerap**
- YB Menteri MITI telah mengadakan tiga iawatan kerja ke Beijing dan Shanghai sejak 2009 untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan dari China. YB Menteri juga akan sekali lagi mengetuai satu rombongan gaiakan perdagangan dan pelaburan ke Chengdu dan Beijing dari 17 hingga 20 Oktober 2011. Dari 21 hingga 26 Oktober 2011, YAB Perdana Menteri dan YB Menteri MITI juga akan turut menyertai *China-ASEAN Expo (CAEXPO) Ke-8* di Nanning, China sempena penglibatan Malaysia sebagai *Country of Honour*. Sebanyak 130 syarikat dan 9 agensi sektor awam dari Malaysia akan turut menyertai pameran CAEXPO Ke-8 bagi mempromosikan produk-produk eksport bukan sahaja ke pasaran China tetapi juga komuniti perdagangan antarabangsa. Semasa di Nanning, YAB Perdana Menteri juga akan merasmikan persidangan *China-ASEAN Business and Investment Summit (CABIS)*



SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [ SIK ] minta Menteri Pelajaran menyatakan jelaskan tentang Program MBBM dan MB! yang menggantikan PPSMI tidak berjalan dengan baik kerana sekolah-sekolah bandar masih kekurangan guru-guru Bahasa Inggeris. Apakah sebabnya selepas lebih setengah abad Merdeka hal ini tidak dapat diatasi. Tidakkah Kementerian berhajat untuk mengatasi secara bersungguh-sungguh masalah ini.

JAWAPAN  
TARIKH

08.11.2011

Tuan Yang Di-Pertua,

Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) adalah sebahagian daripada usaha Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk meningkatkan kualiti P&P itu sendiri dan keupayaan penguasaan bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjayakan program seperti yang dirancang, bekalan guru yang mencukupi dan berkualiti adalah aspek utama yang dititikberatkan oleh KPM. Justeru, Kementerian telah merancang untuk menempatkan (**redeployment**) guru opsyen bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris di sekolah rendah. Di samping itu, sebagai langkah tambahan pengambilan guru kontrak bahasa Inggeris yang melibatkan guru bersara turut dilakukan untuk mengatasi kekurangan guru bahasa Inggeris di sekolah rendah di bandar dan juga luar bandar.

Di bawah dasar MBMMBI juga Kementerian sedang melaksanakan pelbagai inisiatif baru yang lebih efektif untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid. Antara inisiatif tersebut ialah penambahan masa pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris, penambahbaikan kurikulum bahasa Inggeris di bawah pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), penyediaan guru, pengambilan penutur jati bagi meningkatkan kapasiti pensyarah dan guru Bahasa Inggeris, penyediaan bahan sokongan yang berkualiti seperti bahan bacaan tambahan dan bahan digital bagi menyokong pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Kementerian Pelajaran juga sedang mengkaji beberapa inisiatif baru untuk dilaksanakan seperti program Oracy Skills (OPS-ENG) yang bertujuan untuk

meningkatkan penguasaan lisan dalam kalangan murid, kelas berdasarkan Sistem Set, peningkatan kualiti dan kepelbagaian bahan pengajaran, pembangunan profesionalisme guru dan kecekapan pengurusan panitia bahasa Inggeris di sekolah.

Kerajaan berharap pemansuhan PPSMI dan pelaksanaan dasar MBMMBI dapat meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris, ilmu sains dan matematik di kalangan pelajar serta mendaulatkan bahasa kebangsaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :	LISAN
DARIPADA	Y.B DATO' DR MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN (LIPIS)
TARIKH	08.11.2011 (SELASA)

**SOALAN :**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah kebaikan dan faedah kepada Kerajaan untuk mewujudkan Akta Veteran 2011 dan apakah matlamat yang akan diperolehi oleh bekas-bekas tentera.

Tuan Yang di-Pertua,

JAWAPAN:

Buat masa ini tidak ada mana-mana peruntukan atau perundangan khas bagi memperundangkan hal-hal ehwal Veteran. Sebelum ini hal ehwal Veteran telah beroperasi berdasarkan kepada peraturan-peraturan semasa Kerajaan seperti Akta Pencen 1980, Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap 1982, Kertas Lembaga Menteri dan keputusan-keputusan Jemaah Menteri sebagai punca kuasa bagi memelihara kepentingan dan membantu Veteran yang diiktiraf.

Rang Undang-Undang (RUU) Veteran 2011 ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Veteran Kebangsaan, untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran Veteran dan persatuan Veteran dan perwakilan kuasa untuk membuat peraturan- peraturan bagi perkara yang berkaitan dengan perubatan dan kebajikan Veteran.

Mewujudkan Majlis Veteran Kebangsaan melalui Akta ini adalah untuk membentuk suatu badan yang tertinggi diperingkat kebangsaan disamping menentukan penggubalan dasar-dasar dan perundangan tertentu demi memelihara kepentingan Veteran.

RUU ini akan mengambil alih kuasa Akta Pertubuhan 1966 khususnya bagi pendaftaran Pertubuhan-Pertubuhan Bekas Tentera yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 di mana semua pertubuhan tersebut akan didaftarkan semula dengan JHEV.

Pendaftaran persatuan bekas-bekas tentera sekarang ini adalah sama seperti persatuan lain yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS). Oleh kerana ROS dibebani dengan tugas pendaftaran persatuan awam yang lain, maka RUU ini



mencadangkan agar pendaftaran persatuan veteran dipindahkan kepada Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) bertujuan bagi memudahkan pendaftaran persatuan veteran di masa akan datang serta memantau perjalanan pertubuhan demi menjamin kesempurnaan perlembagaan yang digariskan. Di samping itu, Akta ini juga bertujuan untuk mendekatkan pertubuhan Veteran sebagai suatu gagasan yang memerlukan perhatian yang khusus lagi berkesan dalam memelihara kepentingan Veteran.

Selain dari itu, RUU Veteran ini juga mengkehendaki setiap veteran mendaftar diri mereka dan secara tidak langsung pihak Kerajaan melalui Kementerian dan JHEV dapat mengumpul statistik yang lebih tepat dan ia memudahkan pihak Kerajaan membuat analisa serta membuat perancangan-perancangan bagi memperbaiki status sosio ekonomi mereka dan merencanakan program-program kebajikan dengan lebih berkesan.

Dengan wujudnya Akta Veteran ini, Menteri yang bertanggungjawab mempunyai kuasa di dalam membuat peraturan- peraturan berkaitan kemudahan perubatan dan kebajikan yang kini

MESY KETIGA DR 08.11.11 - DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM [LIPIS]



hanya tertulis di dalam arahan pentadbiran semasa Kerajaan. Dengan ini peruntukan tersebut mempunyai status undang-undang dalam pemeliharaan kepentingan dan keistimewaan Veteran yang tidak mudah diubah atau terhakis.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut Perlembagaan, Akta adalah instrumen yang mengawal serta menentukan fungsi sesebuah institusi atau organisasi berkenaan. Akta Veteran ini dilihat sebagai satu kaedah melindungi Veteran agar kepentingan mereka lebih terjamin dan tidak boleh dimanipulasi dengan sewenang-wenangnya. Sebarang perubahan, pembatalan atau penambahan kepada fasal-fasal yang sedia ada kelak perlu melalui proses yang sama.

Akta ini diwujudkan bagi memelihara kebajikan secara menyeluruh mengikut lunas-lunas peruntukan undang-undang yang akan diluluskan kelak. Ianya juga sebagai tanda keperihatinan Kerajaan dalam usaha membela nasib serta menjaga kepentingan Veteran.



SOALAN NO: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH  
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARI PADA TUAN WONG HO LENG  
[SIBU]  
TARIKH 08 NOVEMBER 2011  
SOALAN

Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bagaimana House Officer (HO) dapat bermanfaat daripada *System Flexi Hour* yang baru dimulakan pada September 2011, memandangkan masa bekerja HO tidak semestinya dikurangkan dan tiada lagi elaun 'oncall'

Tuan Yang di-Pertua

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama-sama dengan soalan yang menyentuh isu yang sama yang dibangkitkan oleh YB Kota Raja bertarikh 17 November 2011.

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Kesihatan Malaysia prihatin terhadap keperluan latihan amali pegawai perubatan siswazah (PPS), di mana pada masa lalu mereka terpaksa bekerja pada waktu bekerja biasa dan diikuti dengan tugas atas panggilan (dengan izin *on-call*). Semua PPS yang menjalankan tugas atas panggilan diberikan imbuhan RM100 pada hari biasa dan RM110 pada hari cuti mingguan dan hari kelepasan am seperti yang telah diluluskan oleh kerajaan semenjak 2005.

Terdapat maklumbalas dari pelbagai pihak termasuklah PPS di mana tempoh masa bekerja bagi PPS semasa bertugas atas panggilan adalah panjang iaitu 90 jam seminggu berbanding dengan penjawat awam lain. Tempoh kerja yang panjang ini menyebabkan terdapat PPS yang tidak mendapat masa rehat yang mencukupi.

Oleh itu sistem kerja fleksi diperkenalkan di mana secara purata jangkamasa kerja adalah 60 jam seminggu. Manakala PPS bertugas 5 hari seminggu dengan diberikan 2 hari kelepasan mingguan. Namun perlepasan mingguan ini tidak semestinya diberikan pada hari Sabtu atau Ahad. Adalah diharap dengan masa kerja yang lebih pendek ini membuka lebih ruang kepada PPS untuk lebih fokus dalam latihan dan kemahiran amali mereka serta dapat memberikan perkhidmatan rawatan perubatan yang terbaik kepada pesakit.

Perlaksanaan waktu kerja fleksi ini telah berkuatkuasa mulai 1 September 2011 di semua Hospital Kerajaan yang menyediakan latihan pegawai perubatan siswazah. Dengan perlaksanaan waktu kerja fleksi ini, PPS tidak lagi bertugas atas panggilan dalam tempoh yang panjang.

Walaupun mereka tidak lagi layak mendapat elaun atas panggilan namun pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah memohon pertimbangan Kerajaan supaya PPS diberikan elaun khas. Pemberian elaun khas ini adalah kerana atas keperluan latihan PPS perlu melakukan tugas lebih masa dan diluar waktu kerja biasa secara tetap. YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Belanjawan 2012 pada 7 Oktober 2011 telah meluluskan pemberian elaun insentif khas tersebut sebanyak RM600 sebulan yang berkuatkuasa 1 September 2011.

Dengan sistem *Flexi Hour* ini, Pegawai Perubatan Siswazah akan diberi tugas purata 60 jam seminggu, dan dibayar elaun khas sebanyak RM600 sebulan. Dengan waktu kerja yang lebih teratur ini, diharap PPS akan dapat menjalani latihan dengan baik dan belajar prosedur yang perlu sahaja sebagai persediaan akhir sebelum didaftar penuh sebagai Pengamal Perubatan, setelah selesai menjalani latihan selama 2 tahun.

~~VO. JeAtAM.' % if-~~  
~~NO. AUM—:6~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MOJILIP  
BUMBURING [ TUARAN ]

TARIKH 8 NOVEMBER 2011

RUJUKAN 4305

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [ Tuaran ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap kenyataan pemimpin-pemimpin PERKASA terkini yang sangat sensitif dan merbahaya terhadap perpaduan kaum di negara ini seperti mengisytiharkan jihad terhadap orang Kristian.



Jawapan :  
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Tuaran yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pihak Polis sentiasa memantau dan membuat siasatan terhadap kenyataan yang dibuat oleh mana-mana pihak tanpa mengira latar belakang berhubung isu- isu yang boleh menyebabkan ketegangan kaum di negara ini. Ahli Yang Berhormat pun sedia maklum bahawa kenyataan yang dibuat itu boleh merupakan kenyataan secara peribadi atau persepsi masing-masing. Dalam hal ini, pihak Polis akan menjalankan siasatan berdasarkan laporan Polis yang dibuat dan tindakan pula hanya akan diambil sekiranya siasatan mendapati perbuatan tersebut benar-benar melanggar undang-undang sedia ada.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :      JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK)

TARIKH 8 NOVEMBER 2011 (SELASA)

SOALAN

YB Dato' Rashid bin Din (Merbok) minta MENTERI PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan langkah-langkah dan tindakan Kerajaan dalam membendung gejala sosial di kalangan remaja dan kanak-kanak yang kian meningkat di seluruh negara.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menjalin kerjasama strategik dengan pelbagai agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi membendung gejala sosial di kalangan remaja dan kanak-kanak.

Antara langkah yang telah dilaksanakan oleh KPWKM bagi membendung gejala sosial di kalangan remaja dan kanak-kanak adalah seperti berikut:

- i. Penubuhan 131 buah Pasukan Perlindungan Kanak-kanak di seluruh negara di bawah Akta Kanak-kanak 2001. Pasukan perlindungan ini berperanan untuk membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam menangani isu kanak-kanak seperti penderaan, pengabaian dan eksploitasi di kawasan yang berisiko tinggi. Sebanyak 142 buah Pusat Aktiviti Kanak-kanak turut ditubuhkan di bawah pasukan perlindungan tersebut bagi menyediakan program kemahiran dan perlindungan kepada kanak-kanak di kawasan berisiko tinggi;

Melaksanakan program pencegahan dan intervensi awal. Sebanyak 6 buah pusat remaja kafe@TEEN yang mensasarkan golongan muda berumur antara 13 dan 24 tahun telah ditubuhkan. Pusat remaja ini memberi maklumat berkaitan dengan isu-isu psikososial termasuk menyediakan khidmat kaunseling, khidmat klinikal dan kemahiran hidup, perhubungan antara jantina dan tingkah laku berisiko. Program “*outreach*” kafe@TEEN di sekolah- sekolah dan komuniti setempat telah berjaya mendekati seramai 257,147 orang remaja melalui 4,698 program/aktiviti dari November 2005 sehingga September 2011;

Melaksanakan Program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PKRS) secara kerjasama dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN). Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PKRS) telah diintegrasikan ke dalam program PLKN mulai siri ke- 2 pada bulan Julai 2011, melibatkan seramai 34,000 orang pelatih. Manakala dianggarkan seramai 34,000 orang pelatih lagi telah mengikuti modul PKRS sewaktu menjalani siri ke-3 PLKN pada bulan Oktober 2011;

Menjalankan program Pencegahan Jenayah SEKATA (Keselamatan Keluarga Tanggungjawab Kita). Melalui program tersebut, seramai 500 orang sukarelawan NGO sedang dilatih sebagai jurulatih. Setelah

selesai latihan, sukarelawan tersebut akan digerakkan ke peringkat akar umbi bagi menyediakan khidmat sokongan keluarga serta pembangunan modal insan bagi membolehkan remaja, kanak-kanak dan komuniti menikmati persekitaran kehidupan yang lebih berkualiti;

Mewujudkan institusi pemulihan. Sebanyak sembilan (9) buah Sekolah Tunas Bakti, 11 buah Asrama Akhlak, empat (4) buah Taman Seri Puteri dan dua (2) buah Pusat Jagaan Sinar Kasih telah diwujudkan bagi menjalankan program perlindungan dan pemulihan kepada remaja dan kanak-kanak;

Menubuhkan Pusat Aktiviti Remaja Kuala Lumpur *Krash Pad* di kawasan Chow Kit secara perintis. Pusat aktiviti tersebut berfungsi sebagai sebuah tempat yang boleh memberi tarikan kepada remaja untuk membangunkan diri melalui program-program yang berfaedah seperti latihan kemahiran, kelas muzik, kelas kesenian, kelas komputer, kelas agama, program kesihatan, kelas sukan,

khidmat klinikal, kaunseling dan kemahiran hidup dalam aspek perhubungan dan tingkah laku; dan

vii. Mengadakan Kempen “Kami Prihatin” bagi menangani gejala membuang bayi. Kempen tersebut telah diadakan dengan kerjasama Utusan Malaysia, ASTRO dan Persatuan Karyawan pada 8 April 2010.

KPWKM berpandangan dalam usaha untuk mengatasi gejala sosial di kalangan remaja dan kanak-kanak, peranan dan usaha sama pelbagai sektor adalah amat penting. Langkah ini adalah penting kerana golongan remaja dan kanak-kanak merupakan generasi pelapis yang akan memacu pembangunan negara pada masa hadapan.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEDUA BELAS (2011) \_\_\_\_\_**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO’ HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.  
MUTTALIB [MARAN]

TARIKH : 8 NOVEMBER 2011 [SELASA]

**SOALAN :**

Dato’ Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah proaktif pihak Kementerian dalam menangani isu-isu murtad yang banyak berlaku di kalangan umat Islam sejak akhir-akhir ini. Apakah langkah-langkah Kerajaan dalam mengawal dan menangani ketegangan sensitiviti agama

di negara ini.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI  
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B),  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Kerajaan mengambil langkah proaktif menangani isu murtad di kalangan umat Islam di Malaysia dengan mengadakan program pencegahan melalui pendekatan berikut:

- i. melaksanakan ialah dakwah bi hal ziarah lawatan ke rumah/institusi institusi dan individu berkaitan;
- ii. menjalankan aktiviti pengukuhan agama melalui kelas-kelas pengajian, seminar dan diskusi agama;
- iii. melaksanakan program Penerapan Nilai-nilai Islam kepada agensi-agensi Kerajaan dan masyarakat di Malaysia supaya persefahaman terhadap Islam dapat dibina;
- iv. menyelaras sokongan bantuan Baitul Mal kepada golongan golongan yang kurang berkemampuan dan termasuk dalam asnaf yang layak menerima zakat asnaf; dan
- v. memberi khidmat nasihat kepada mereka yang berkeperluan dan menghadapi masalah berkaitan Islam, melalui soal jawab kemusykilan agama internet, panggilan telefon atau hadir ke JAIN/Pejabat Agama Daerah atau ke pusat khidmat komuniti bagi mendapatkan nasihat yang berkaitan.

Sehingga Ogos 2011, JAKIM telah melaksanakan sebanyak 5,450 program melibatkan kumpulan sasaran yang terdiri daripada Saudara Muslim, Orang Asli, pesakit hospital, warga emas, orang kelainan upaya, anak yatim, mangsa bencana alam dan masyarakat awam di Malaysia

Selain itu, Kerajaan akan menguatkuasakan peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia seperti Perkara 3 dalam Perlembagaan menyatakan bahawa, "Islam ialah agama bagi Persekutuan". Perlembagaan membenarkan kebebasan beragama dalam Perkara 11 menyatakan, "Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya. Iaitu kuasa Undang-undang Negeri dan berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.

"Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam" bagi mempertahankan Perkara 160 dalam Perlembagaan yang mentakrifkan orang Melayu sebagai seseorang yang menganuti agama Islam. . Menyokong Mahkamah sivil menyerahkan kuasa kepada mahkamah Syariah bagi kes-kes berkaitan keluar daripada agama Islam. Menggunakan Undang-undang dan dasar-dasar lain mengenakan beberapa sekatan terhadap kebebasan beragama.



Semua pihak, termasuk ahli parlimen wajar menjalankan usaha-usaha membendung gejala murtad dan mencegah penyebaran agama lain disebar secara terbuka dengan menggunakan peruntukan undang-undang Persekutuan dengan jelas mencegah penyebaran agama lain secara terbuka berdasarkan Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan dengan tidak menjejaskan peruntukan perkara

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Jabatan Perdana Menteri sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) bagi mengawal dan menyekat pengembangan doktrin atau kepercayaan agama bukan Islam di kalangan orang yang menganuti agama Islam demi menjamin kehormatan dan kesucian Islam dengan menguatkuasakan undang-undang yang dinamakan sebagai Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam.

Sekian, terima kasih.



DARIPADA Y.B. TUAN CHONG CHENG JEW (BAWDAR KUCHING)

TARSKH : 08.11.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN CHONG CHIEMG JEN [ BANDAR KUCHUNG ] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di kawasan Stutong, Kuching memandangkan SJKC Kuching Chung Hua Primary School No.2 yang sedia ada di kawasan itu tidak mampu terima segala pemohon murid baru yang berdiam di persekitarannya.

JAWAFAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan. Pada masa yang sama KPM melihat kepada aspek yang lebih menyeluruh sebelum sesuatu pembangunan dibangunkan. Dasar penubuhan sekolah baru memberi keutamaan kepada penubuhan Sekolah Kebangsaan (SK) sebagai salah satu pendekatan ke arah menyatupadukan rakyat berbilang kaum.

Selari dengan dasar Kerajaan untuk meningkatkan perpaduan kaum di negara ini, KPM mengambil langkah memperkasakan SK dengan menawarkan mata pelajaran bahasa Mandarin dan bahasa Tamil supaya SK menjadi pilihan ibubapa. Pendidikan yang disediakan membantu meningkatkan keupayaan

berintegrasi semua kaum dan seeloknya ia bermula dari kalangan pelajar di bangku sekolah lagi. KPM berharap masyarakat setempat dapat menghantar anak-anak mereka ke SK kerana terdapat SK yang masih boleh menampung keperluan murid di kawasan sekitar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk menubuhkan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di kawasan Stutong memandangkan SK Sg. Stutong yang mendapat gantian penuh telah beroperasi di kawasan tersebut.

Rjm 65

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

DATUK RAIME BIN UNGGI [ TENOM ]

TARIKH

8 NOVEMBER 2011 (SELASA)

SOALAN:

Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah peranan stesen televisyen berbayar Astro telah mengambil alih sebagai stesen penyiaran utama negara berdasarkan liputan siaran hampir ke seluruh negara dan

kawasan serantau masa kini, berbanding siaran Radio Televisyen Malaysia (RTM).

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Walaupun ASTRO mempunyai siaran luas, RTM tetap memainkan peranannya sebagai stesen penyiaran kebangsaan negara melalui kedua-dua pendekatan iaitu satelit dan terrestrial. Dari segi capaian, pelanggan Astro di Malaysia adalah 49% (sehingga akhir 2010) dari segi isi rumah manakala untuk RTM, kadar penembusan (dari segi bilangan penduduk) bagi siaran radio adalah 95% dan TV adalah 96%. Jelas bahawa, perkhidmatan radio dan TV RTM boleh dinikmati oleh lebih



ramai rakyat jika dibandingkan dengan jumlah rakyat yang melanggan perkhidmatan TV satelit Astro berbayar.

RTM sebagai media rasmi kerajaan berperanan menyediakan perkhidmatan penyiaran untuk rakyat dan negara sentiasa berusaha untuk meningkatkan liputan siaran ke seluruh negara. Usaha peluasan liputan dan peningkatan kualiti siaran adalah seiring dengan pelaksanaan siaran Digital yang dijangka akan dilaksanakan pada 2012.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN  
RAKYAT

PERTANYAAN :           JAWAB LISAN

DARIPADA               TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH                   8 NOVEMBER 2011

SOALAN:

Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan langkah-langkah yang diambil termasuk memperkenalkan undang-undang untuk menambah baik kebebasan media dalam negara dengan tujuan untuk menghormati hak rakyat untuk mengetahui sesuatu maklumat (*right to know*) selaras dengan Piagam Hak Asasi Manusia Sejagat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Harus dijelaskan Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan  
Kebudayaan hanya menjalankan tugas perundangan terhadap





media elektronik sementara Kementerian Dalam Negeri menjalankan tugas di bawah Akta Media Cetak 1984.

Dengan dasar transformasi Kerajaan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini, langkah-langkah masa depan sedang di atur mengikut lunas-lunas kebebasan yang setimpal dan sesuai dengan citarasa serta acuan Malaysia.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**TARIKH**

**LISAN**

**DATUK TIONG THAI KING [ LANANG ]**

**08.11.2011(SELASA)**

**DATUK TIONG THAI KING [ LANANG ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN  
DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bilangan  
hak paten yang telah diluluskan mengikut kategori sehingga kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Akta Paten 1983 telah mula dikuatkuasakan pada 1 Oktober 1986 bagi memberi perlindungan kepada penciptaan teknologi baru di samping memberi keyakinan dan jaminan bahawa pemindahan teknologi baru dari luar ke Malaysia mendapat perlindungan secukupnya.

Sehubungan dengan itu sejumlah 44,444 paten dalam pelbagai kategori teknologi telah diluluskan dari tahun 1988 hingga 15 September 2011. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, pengkelasan kategori teknologi yang

di gunakan di Malaysia adalah mengikut *International Patent Classification* (IPC) iaitu piawaian pengkelasan antarabangsa yang diguna pakai oleh semua negara di bawah *World Intellectual Property Organisation* (WIPO).

Oleh itu pecahan hak paten yang telah diluluskan mengikut kategori teknologi adalah seperti berikut:

Kategori Teknologi	Jumlah	Peratus
i. Keperluan Manusia <i>(Human Necessities)</i>	7,361	16.56%
ii. Operasi Pelaksanaan: Pengangkutan <i>(Performing Operations; Transportation)</i>	7,616	17.14%
iii. Kimia; Perlogaman <i>(Chemistry; Metallurgy)</i>	11,108	24.99%
iv. Tekstil; Kertas <i>(Textiles; Paper)</i>	616	1.39%
v. Pembinaan <i>(Fixed Constructions)</i>	1,498	3.37%
vi. Kejuruteraan Mekanikal; Pencahayaan; Pemanasan; Senjata; Letupan <i>(Mechanical Engineering; Lighting; Heating; Weapons; Blasting)</i>	2,670	6.01%
vii. Fizik <i>(Physics)</i>	5,615	12.63%

viii. Tenaga Elektrik <i>(Electricity)</i>	7,960	17.91%
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>44,444</b>	<b>100%</b>

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PADA

DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD

(KUALA SELANGOR)

TARIKH

8 NOVEMBER 2011 (SELASA)

SOALAN:

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan adakah YAB Perdana Menteri bersedia untuk menziarahi semula sejarah perjuangan kemerdekaan bagi mengadili semua pihak yang telah terlibat dalam apa jua pendekatan, bentuk dan organisasi mereka bagi merakamkan kembali serta mengiktiraf sumbangan semua pihak dalam satu pendekatan "keterangkuman-keadilan-kemurnian sejarah" untuk diabadikan sebagai khazanah naratif negara dan warisan generasimasa-depan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini berpendapat penulisan sejarah kemerdekaan negara yang sedia ada telah mengiktiraf sumbangan pelbagai golongan yang telah dikenal pasti sebagai pejuang kemerdekaan. Namun, menyedari

SOALAN NO: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

bahawa sejarah merupakan tulisan manusia yang harus diperbaiki

mana-mana fakta yang tidak tepat, maka dialu-alukan para sejarawan tampil menulis bagi tujuan penambahbaikan.

Kementerian ini melalui Jabatan Arkib Negara Malaysia bersedia memberikan kerjasama dalam menyalurkan maklumat yang ada di dalam simpanannya untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dan bukti sahih dalam usaha menulis semula sejarah negara seandainya diperlukan. Selain daripada rekod-rekod rasmi, Arkib Negara juga menyimpan koleksi rakaman sejarah lisan yang dilaksanakan melalui sesi temu bual dan wawancara dengan tokoh-tokoh negara dari pelbagai bidang dan latar belakang pelbagai aspek sejarah negara.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PADA : Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH  
(LENGGONG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.11.2011**

**Y.B. DATO<sup>1</sup> SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH [ LENGGONG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

- (a) secara terperinci kedudukan ekonomi negara sekarang; dan
- (b) apakah langkah dilakukan bagi menghadapi suasana ekonomi dunia yang semakin mencabar terutama membendung kenaikan harga barangan pengguna sekarang.



## JAWAPAN

NO SOALAN :

Tuan Yang Dipertua,

Prestasi ekonomi negara dianggap terus berkembang pada tahun ini meskipun berhadapan dengan ketidakpastian persekitaran luar. Ini termasuk kelembapan pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat (AS), krisis hutang kerajaan di Eropah, kenaikan inflasi akibat peningkatan harga komoditi global. Dalam tempoh separuh pertama 2011, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)

benar berupaya mencatat pertumbuhan 4.4% meskipun dalam persekitaran luar yang mencabar, termasuk kesan gangguan rantaian bekalan akibat gempa bumi di Jepun. Momentum pertumbuhan dijangka meningkat dalam tempoh separuh kedua 2011 dipacu terutamanya oleh perbelanjaan permintaan domestik dan kecergasan aktiviti pelaburan. Oleh yang demikian, ekonomi Malaysia dianggar berkembang pada kadar 5% hingga 5.5% pada 2011.

2. Pertumbuhan ini turut disokong oleh sistem kewangan dan perbankan negara yang terus teguh dengan nisbah modal wajaran risiko adalah 14.8 peratus, jauh melebihi paras keperluan 8 peratus dalam piawaian antarabangsa. Rizab antarabangsa juga terus kukuh mencatat RM417.2 bilion pada 30 September 2011, mampu membiayai 9.7 bulan import tertanggung serta 4.5 kali hutang luar jangka pendek.

3. Bagi tahun 2012 pula, pertumbuhan KDNK Malaysia akan dipacu oleh permintaan domestik berikutan prospek ekonomi global yang lebih mencabar. Asas-asas ekonomi yang kukuh seiring dengan dasar pengurusan makroekonomi yang pragmatik akan meningkatkan sumber pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Pelaburan swasta dan awam dijangka terus teguh disokong oleh pelaksanaan projek ETP dan *Rolling Plan* Kedua di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh. Oleh itu, pertumbuhan KDNK benar Malaysia dijangka kekal pada kadar 5% hingga 6% pada 2012. Unjuran ini turut mengambil kira pertumbuhan ekonomi dunia yang sederhana dan kegiatan perdagangan intraserantau yang kekal kukuh serta pemulihan eksport E&E Malaysia dan harga komoditi yang teguh.

4. Kerajaan juga akan terus memastikan pengurusan yang berhemat dalam perbelanjaan. Konsolidasi fiskal akan diteruskan dengan berhati-hati agar terus menyokong dasar makroekonomi untuk jangka masa panjang. Kutipan hasil yang menggalakkan pada tahun 2011 membolehkan Kerajaan menampung komitmen perbelanjaan yang lebih tinggi. Defisit fiskal dijangka akan dapat dikurangkan kepada 5.4% daripada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) pada tahun 2011 berbanding dengan 5.6% pada tahun 2010. Dengan jumlah perbelanjaan Kerajaan yang dijangka stabil pada tahun 2012 defisit fiskal

Kerajaan Persekutuan dijangkakan akan berkurangan kepada 4.7% daripada KDNK pada tahun 2012.

Untuk makluman ahli yang berhormat,

5. Sejak pertengahan tahun 2010, inflasi telah mula mencatatkan peningkatan. Kenaikan inflasi ketika ini adalah berpunca daripada lonjakan harga komoditi global terutamanya bahan api dan komoditi makanan yang terjejas bekalannya daripada negara sumber. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2011, inflasi mencatatkan 3.1% setelah mencapai paras tertinggi 3.5% pada bulan Jun. Kadar inflasi pada bulan Ogos 2011 mencatatkan peningkatan sederhana dengan kadar 3.3%.

6. Prihatin dengan beban yang ditanggung oleh rakyat terutamanya kenaikan harga barangan pengguna, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bersepadu bersifat jangka pendek, sederhana dan panjang bagi membantu golongan ini seperti diumumkan dalam Belanjawan 2012 oleh YAB Perdana Menteri. Antaranya termasuk meningkatkan pengeluaran makanan seperti beras, daging, sayur-sayuran dan buah-buahan, bantuan kewangan, subsidi dan insentif, program latihan dan kemahiran serta menyediakan perkhidmatan kesihatan dan perumahan.

7. Kerajaan juga telah mengumumkan NKRA ketujuh di bawah Program Transformasi Kerajaan, iaitu Mengurangkan Kos Sara Hidup Rakyat, bagi mengenal pasti langkah-langkah segera dan jangka sederhana untuk menangani dan meringankan beban rakyat. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam membantu rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah, termasuk meneruskan pemberian subsidi makanan dan keperluan asas yang berjumlah hampir 2.3 bilion ringgit, bantuan kebajikan sara hidup bulanan kepada golongan miskin melalui Jabatan Kebajikan Malaysia, bantuan persekolahan anak-anak serta projek perumahan rakyat. Di samping itu, Kerajaan juga akan memperluaskan cawangan Kedai rakyat IMalaysia di seluruh negara yang menawarkan barangan keperluan harian dengan harga sehingga 40% lebih rendah daripada pasaran. Selain

daripada itu, Kerajaan juga akan memperbayakkan program ladang kontrak bagi memastikan bekalan produk makanan adalah mencukupi di samping itu menambah bilangan Klinik IMalaysia.

8. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan akan dapat membantu menangani kesulitan dan kesukaran yang dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah dalam menghadapi masalah kenaikan harga barangan pengguna.

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF  
[ RANTAU PANJANG ]

TARIKH 8 NOVEMBER 2011

#### SOALAN:

PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF (RANTAU PANJANG)  
minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah usaha SPR untuk memastikan daftar pemilih yang bersih sepanjang PRU-13.



JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam memastikan daftar pemilih adalah bersih untuk Pilihan Raya Umum Ke-13 yang akan datang, SPR senantiasa mengemaskini daftar pemilihnya. Antara usaha mengemaskini daftar pemilih yang dilakukan adalah seperti berikut:

- (i) Memotong rekod pemilih yang disahkan telah meninggal dunia oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN);
- (ii) Memotong rekod pemilih yang telah disahkan melepaskan hak warganegara atau dilucutkan hak warganegaranya;
- (iii) Memotong rekod pemilih awam bagi anggota tentera/polis yang menyertai perkhidmatan tentera/polis dan mendaftar sebagai pengundi tidak hadir/pengundi pos;
- (iv) Memotong rekod pengundi tidak hadir anggota tentera yang telah bersara dari perkhidmatan dan mendaftar sebagai pemilih awam serta pasangan mereka;

## SOALAN NO.36

- (v) Memotong rekod pengundi pos anggota polis yang telah bersara dari perkhidmatan dan mendaftar sebagai pemilih awam;
- (vi) Membetulkan kesilapan penetapan lokaliti pemilih kepada lokaliti yang sepatutnya beliau berada; dan
- (vii) Membetulkan maklumat peribadi pemilih seperti pembetulan nombor kad pengenalan, nama, jantina, agama, bangsa dan tarikh lahir berdasarkan maklumat peribadi pemilih dalam pangkalan data JPN apabila menerima aduan daripada pemilih berkenaan.

Urusan pembersihan daftar pemilih ini dilakukan melalui kerjasama dengan pihak JPN, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Selain daripada inisiatif ini, SPR senantiasa menggalakkan orang ramai, terutamanya waris kepada pemilih yang telah meninggal dunia agar memaklumkan JPN tentang kematian seseorang pemilih dan seterusnya kepada SPR supaya rekod mereka ini dapat dikeluarkan dari daftar pemilih. SPR juga menyeru kepada semua bekas anggota tentera/polis agar menyemak rekod mereka sebagai pengundi pos dengan SPR dan memaklumkan

SOALAN N0.36

status mereka sebaik sahaja mereka telah bersara dari perkhidmatan masing-masing.

Sekian, terima kasih.



**SOALAN NO. 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA YB DATUK CHUA SOON BUI (TAWAU)**

**TARIKH 8 NOVEMBER 2011 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB Datuk Chua Soon Bui [ Tawau ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan**

- (a) berapakah bilangan keluarga ibu bapa tunggal terutama sekali ibu tunggal di setiap negeri masing-masing sejak 2008 sehingga sekarang; dan**
- (b) mengapakah terdapat ramai pemohon dari keluarga ibu tunggal dengan anak-anak yang masih dalam tanggungan tidak dapat menerima**

**SOALAN NO. 38**

bantuan di Sabah terutama sekali di Tawau.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Menurut Band Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010, 0.9% daripada jumlah penduduk negara atau 253,715 orang lelaki terdiri daripada bapa tunggal manakala 2.9% daripada jumlah penduduk negara atau 831,860 orang wanita adalah ibu tunggal. Daripada jumlah tersebut, didapati seramai 61,717 orang atau 8% daripada jumlah penduduk Sabah adalah terdiri daripada ibu tunggal manakala seramai 25,381 orang atau 0.8% adalah bapa tunggal.

.{^Deleted:

0.02 Deleted:

00

Maklumat berkaitan bilangan keluarga ibu bapa tunggal terutama sekali ibu tunggal di setiap negeri adalah seperti di Lampiran.

Deleted: akan dikemukakan secara bertulis kepada ahli Yang Berhormat

Bagi tempoh Januari hingga Jun 2011, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengagihkan peruntukan berjumlah RM52.8 juta kepada 27,490 golongan miskin termasuk ibu tunggal di Sabah di bawah Skim Bantuan Am dan Bantuan Kanak-kanak. Bagi Daerah Tawau

j Deleted: 4|

Jjchhususnya, jumlah ibu tunggal yang menerima Bantuan Am adalah seramai 323 orang, melibatkan peruntukan sebanyak RM/HS.SIO dan , jumlah penerima Bantuan Kanak-kanak adalah seramai 207 orang,

melibatkan peruntukan sebanyak RM,478,300.

Berhubung permohonan bantuan kebajikan masyarakat, sukacita dimaklumkan bahawa bermula Januari hingga Oktober 2011, Pejabat Perkhidmatan Kebajikan Am, Bahagian Tawau telah menerima sebanyak 311 permohonan bantuan kebajikan daripada ibu tunggal. Daripada jumlah itu, sebanyak 237 (76.3%) permohonan telah diluluskan dan baki sebanyak 74 (23.7%) permohonan tidak diluluskan bantuan kerana tidak menepati syarat-syarat yang ditetapkan seperti pendapatan isi rumah yang melepasi paras garis kemiskinan di Sabah iaitu RM960.

Statistik ini jelas menunjukkan J^PWKM, sentiasa mengambil berat ,

kebajikan ibu tunggal di seluruh negara termasuk di daerah Tawau, Sabah menerusi pelbagai program dan skim yang diwujudkan.

J Deleted:	1
, ' [ Deleted: K	)
Deleted:	1
	..... ^
	J
Deleted:	

Deleted:  
Kementerian  
Pembangunan  
Wanita, Keluarga dan  
Masyarakat (  
Deleted:)

Tuan Yang di-Pertua,

KPWKM melalui JKM sentiasa mengalu-alukan kerjasama daripada semua pihak bagi memastikan kebajikan ibu tunggal di seluruh Malaysia termasuk Tawau, Sabah terpelihara. Saya amat menghargai dan menyanjung tinggi

usaha murni Ahli Yang Berhormat yang sentiasa mengambil berat tentang

kebajikan rakyat jelata, seiring dengan Gagasan 1 Malaysia i\_Rakyat -

Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

„ Deleted:; \_\_\_\_\_ ]

f Deleted: H \_\_\_\_\_ ]

' Formatted: Right |

Lam pi ran

**/** Formatted: Font: Bold

■ | Formatted: Centered

-I Formatted: Font: Bold

**BILANGAN KELUARGA IBU BAPA TUNGGAL DI SETIAP NEGERI**

Lokasi	Jumlah Penduduk	Balu/ Duda		Bercerai / Berpisah Tetap	
		Lelaki	Wanita	Lelaki	Wanita
Malaysia	28,334.135	201,012	717,590	52,703	114,270
Johor	3.348.283	32,240	98.597	5.050	9.727
Kedah	1.947.651	14.590	68,377	3,673	8,968
Kelantan	1,539.601	10,998	56.536	2,937	8.319
Melaka	821.110	5,668	23.422	1,194	3,103
Neqeri Sembilan	1,021,064	7,994	29,990	1,660	4,027
Pahang	1,500,817	12.250	37.043	2.507	4,707
Perak	2.352,743	22,257	80,405	3.822	7.305
Perlis	231,541	2.058	8.926	588	1,262
Pulau Pinang	1.561.383	11,752	45.612	3.273	6.548
Sabah	3,206.742	17,870	48.897	7.511	12.820
Sarawak	2.471.140	16.484	53.107	4.835	10.426
Selanqor	5.462.141	28.676	102.494	9.789	22,899
Terenaanu	1.035.977	6.903	30.607	1,400	4,302
Kuala Lumpur	1,674,521	10.750	32,030	4,206	9.075
Labuan	86.908	446	1.031	210	464
Putraiava	72.413	76	516	48	318

.... J Formatted Table

**Sumber : Band Penduduk dan Perumahan Tahun 2010,**  
**Jabatan Perangkaan Malaysia**



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK

BADAK (LUBOK ANTU)

TARIKH 8 NOVEMBER 2011 (SELASA)

SOALAN

YB Tuan William @ Nyallau anak Badak (Lubok Antu) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan kenapa lebih 2,000 permohonan bagi mendapatkan program bantuan kebajikan khasnya untuk rakyat miskin daripada Daerah Lubok Antu tidak diproses dan diluluskan walaupun permohonan teiah dikemukakan sejak 2 hingga 3 tahun yang lalu.





JAWAPAN:

Tuan Yang diPertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan bantuan kewangan kepada kumpulan sasar yang memerlukan seperti keluarga miskin, orang kurang upaya, pesakit kronik terlantar, warga emas, kanak-kanak dan mangsa bencana, tertakluk kepada syarat kelayakan yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, semua permohonan bantuan kebajikan masyarakat mendapat perhatian khusus JKM selaras dengan Gagasan 1 Malaysia:

Rakyat Didahulukan, Pencapaian

Diutamakan.

Berdasarkan kepada statistik JKM negeri Sarawak bagi daerah Lubuk Antu, sukacita saya nyatakan di sini bahawa semua permohonan bantuan yang diterima telah selesai diproses. Pecahan bagi tempoh tiga (3) tahun terakhir adalah seperti berikut:

1. Tahun 2008 - kesemua 226 permohonan telah diproses yang mana 77 permohonan diluluskan;
2. Tahun 2009 - kesemua 2,736 permohonan telah diproses yang mana 876 permohonan diluluskan;
3. Tahun 2010 - kesemua 1,260 permohonan telah diproses yang mana

239 permohonan diluluskan; dan

4. Januari hingga Oktober 2011 - kesemua 580 permohonan teiah diproses yang mana 170 permohonan diluluskan.

Tuan Yang diPertua,

Pihak KPWKM amat menghargai dan menyanjung tinggi usaha murni Ahli Yang Berhormat untuk membantu golongan yang memerlukan bagi menikmati bantuan kebajikan masyarakat yang disediakan oleh kerajaan. Dalam hal ini, sekiranya terdapat kes-kes yang memerlukan perhatian khusus JKM, Ahli Yang Berhormat bolehlah menghubungi JKM Daerah Lubuk Antu. Pihak JKM bersedia membantu Ahli Yang Berhormat pada bila-bila masa.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN CHOW KON YEOW

[TANJONG]

TARIKH

8 NOVEMBER 2011 ( SELASA )

SOALAN

Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ] minta PERDANA MENTERI menyatakan dari 2009 hingga kini

- (a) bilangan perjanjian antara Pejabat Perdana Menteri dengan syarikat-syarikat perhubungan awam seperti APCO, FBC Media dan sebagainya; dan
- (b) tujuan Pejabat Perdana Menteri memerlukan perkhidmatan syarikat asing seperti di atas dan sama ada beliau berpuas hati dengan hasil kerja mereka.



JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan Malaysia menandatangani dua perjanjian dengan syarikat perhubungan awan asing di antara tahun 2007 sehingga kini. Kerajaan Malaysia telah melantik FBC Media (UK) bagi menyediakan perkhidmatan perunding, nasihat dan menguruskan kempen komunikasi melalui satu perjanjian yang ditandatangani pada April 2007 sehingga 2010. Kontrak dengan APCO telah ditandatangani untuk setahun bermula dari Jun 2009 sehingga Jun 2010.

Ia bertujuan untuk mengukuhkan lagi imej Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang berjaya dan sederhana yang mempunyai masa depan yang cerah. Perancangan komunikasi ini di fokuskan kepada pasaran strategik iaitu China, India, Asean, Amerika Syarikat, Negara Teluk, Eropah dan United Kingdom.

Ini perlu kerana adanya pihak di dalam dan luar negara yang dari masa ke semasa membuat laporan dan kenyataan yang menjejaskan imej negara, boleh menghakis keyakinan pelabur dan kedatangan pelancong asing. Laporan dan kenyataan yang mengelirukan dan tidak benar ini bukan saja dilaporkan oleh media asing di dalam media tradisional tetapi di media baru. Kepakaran asing bagi tujuan ini diperlukan kerana mereka lebih arif dan memahami persekitaran media antarabangsa serta mempunyai kepakaran dan kemahiran tertentu.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN  
PER  
DEWAN RAKYAT  
DARIPADA TAN  
YAAN

LISA  
N

DATUK NUR JAZLAN BIN  
MOHAMED [ PULAI ]

TARIKH

8 NOVEMBER 2011

SOALAN:

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [ Pulai ] minta PERDANA MENTERI menyatakan status dan kejayaan program pertukaran pegawai antara Kerajaan dan swasta. Jelaskan jumlah pegawai yang terlibat yang telah bertugas dalam jabatan Kerajaan dan sebaliknya.



JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Program pertukaran pegawai atau Program *Cross Fertilization* (PCF) adalah salah satu bentuk modul latihan dan pembangunan modal insan yang telah dilaksanakan untuk membentuk pemimpin yang akan menerajui Perkhidmatan Awam Malaysia dari kalangan mereka yang menunjukkan potensi dan berprestasi tinggi.

Program ini dilaksanakan untuk tempoh 1 hingga 2 tahun dan telah memberi manfaat yang besar kepada Kerajaan di mana pegawai Kerajaan yang terlibat telah memperoleh pendedahan dan pengalaman yang amat berharga yang kemudiannya telah diberi nilai tambah (*value add*) apabila mereka kembali bertugas di perkhidmatan awam dan dilantik memegang jawatan strategik di beberapa agensi Kerajaan.

Pelaksanaan PCF ini telah menunjukkan impak positif dan Kerajaan bersetuju pelaksanaannya diperluaskan dengan melibatkan syarikat multinasional dan pihak berkuasa berkanun. Impak yang ditunjukkan sanqat memberanqsanqkan di mana ada peserta dari kalangan pegawai awam telah diberi kepercayaan untuk memikul tanggungjawab yang lebih besar dan dilantik sebagai Pengarah Program bagi satu projek baru sebuah syarikat di bawah Khazanah Holding Bhd. Selain itu antara kejayaan lain adalah penglibatan mereka dalam *Private-Public Partnership in Education*, penyediaan *Strategic Business Direction*, pelaksanaan *Supplier Relationship Management* dan

lain-lain. Sementara itu peserta-peserta GLC juga telah berkongsi *best practices* dengan agensi Kerajaan seperti pelaksanaan *Inisiatif Whistle Blower, Integrity Pack*, penglibatan dalam kajian '*Doing Business Report, Knowledge Management System*' dan sebagainya.

Sehingga Jun 2011, bilangan peserta yang terlibat adalah seramai 40 orang pegawai Kerajaan ditempatkan di 17 buah syarikat swasta manakala 32 orang pegawai swasta ditempatkan di 15 agensi Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEDUA BELAS DEWAN RAKYAT

SOALAN JAWAPAN LISAN

TARIKH : 8 November 2011

SOALAN 4 /: Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) adakah Kerajaan sedar peranan yang dimainkan oleh Biro Pengaduan Awam tidak efektif dan tidak membawa apa-apa hasil kepada pengadu; dan
- (b) berapa kes yang dirujuk kepada biro ini dan yang telah diselesaikan.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada YB Ipoh Barat di atas soalan yang dikemukakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Biro Pengaduan Awam (BPA) telah melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya dalam pengurusan aduan awam secara berkesan. Kerajaan amat berpuashati dengan prestasi yang ditunjukkan oleh BPA dalam menguruskan aduan-aduan awam ini. Sebagai contoh, pada 2009 BPA telah menerima sejumlah 12,683 aduan dan 2010 pula sejumlah 14,700 aduan diterima. Manakala bagi 2011, iaitu sehingga 30 September 2011, BPA telah menerima sejumlah 9,887 aduan. Peningkatan jumlah

aduan dari 2009 ke 2011 ini membuktikan keyakinan rakyat di atas peranan dan tanggungjawab efektif BPA dalam menguruskan aduan awam.

Tuan Yang DiPertua,

2. Dari 12,683 aduan yang diterima pada 2009, 12,376 aduan (97.6%) telah berjaya diselesaikan. Bagi 2010, dari 14,700 aduan yang diterima, 14,502 (98.7%) telah diselesaikan. Manakala bagi 2011, iaitu sehingga 15 Oktober 2011, 9,762 (92.9%) dari 10,510 aduan yang diterima telah diselesaikan dengan kerjasama dan komitmen pelbagai agensi dan kementerian.

3. BPA turut turun padang dengan menganjurkan program-program proaktif seperti program MESRA Rakyat, Kaunter Aduan Bergerak (KAB) dan Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu (KABB). Program-program ini membolehkan rakyat terutamanya di luar bandar bertemu dan berdialog dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan, serta memberi peluang kepada rakyat untuk memberikan maklum balas terhadap penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Ia juga membolehkan BPA mempromosi peranan dan tanggungjawabnya kepada rakyat.

4. Bagi tempoh 1 Januari 2011 sehingga 15 Oktober 2011, BPA telah mengadakan sebanyak 170 program proaktif iaitu 100 adalah program Kaunter Aduan Bergerak (KAB), 20 program Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu (KABB) dan 8 Program Mesra Rakyat (MESRA). Selain itu, BPA juga menganjurkan sebanyak 42 Program Penyelesaian Aduan Segera (IPSP). Program tersebut telah berjaya menarik seramai 20,006 pengunjung dan 1,943 aduan berjaya dikumpulkan.

5. BPA juga telah mengambil inisiatif proaktif melaksanakan program “BPA Sebagai Pengadu Proaktif yang dipanggil “Menangani Aduan Sebelum Jadi Aduan” atau MASJA. Iaitu Warga BPA juga memainkan peranan mereka membangkitkan isu kepada pihak agensi Kerajaan sebelum ia menjadi aduan orang ramai. Bagi tahun 2010, sebanyak 2,052 (14%) aduan telah dikemukakan oleh warga BPA melalui program ini. Bagi tempoh 1 Januari 2011 sehingga 15 Oktober 2011, sebanyak 614 (5.8%) aduan telah dikemukakan oleh warga BPA.

6. Aduan-aduan bukan sahaja mampu menjadi maklum balas terhadap kelemahan dan kekurangan yang wujud, tetapi juga sumber inovasi yang dapat membantu agensi-agensi menambahbaik mutu penyampaian perkhidmatan masing-masing melalui pindaan undang-undang dan peraturan tertentu atau mewujudkan peraturan-peraturan yang baru yang terhasil dari aduan-aduan.

Terima kasih.



No. SOALAN: 42

PR-1243-L46775

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA

Y.B. TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD  
YUSOFF [BALIK PULAU]

TARIKH

8 NOVEMBER 2011

SOALAN

Y.B. Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [ Balik Pulau ] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan senarai treati-treati/konvensyen-konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang telah ditandatangani dan/atau diratifikasi dan juga senarai treati/konvensyen yang belum ditandatangani dan/atau diratifikasi oleh Kerajaan Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Balik Pulau bersama soalan Yang Berhormat Telok Intan pada 24 November kerana ia mengenai perkara yang sama.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, senarai penuh triti-triti dan konvensyen-konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang telah ditandatangani dan/atau diratifikasi oleh negara-negara boleh diperolehi dari laman web Kementerian Luar Negeri atau di laman web PBB sendiri. Instrumen-instrumen antarabangsa PBB ini meliputi pelbagai bidang dan tidak ada negara di dunia yang menyertai setiap triti dan konvensyen dibawah naungan PBB.

3. Sebagaimana lazimnya, Malaysia, seperti juga negara-negara lain, akan mengkaji triti dan konvensyen baru yang dihasilkan oleh PBB. Penilaian terperinci oleh agensi Kerajaan yang berkenaan akan dibuat untuk menentukan sama ada Malaysia dapat menyertai atau menjadi Negara Pihak sesuatu instrumen tersebut. Ini adalah bagi memastikan undang-undang Negara adalah selaras dengan obligasi Malaysia di bawah instrumen antarabangsa berkenaan. Hanya setelah Malaysia pastikan bahawa negara boleh memenuhi obligasi yang ditetapkan didalam instrumen yang dimaksudkan, barulah negara akan menyertainya. Ini dilakukan sama ada dengan



menandatangani, dan seterusnya meratifikasi instrumen berkenaan, atau menyertai, dengan izin "*accede to*".

4. Setakat ini, Malaysia telah menyertai 881 perjanjian dua hala dengan 124 buah negara. Dalam arena pelbagai hala pula, Malaysia merupakan Negara Pihak kepada 107 perjanjian / triti / konvensyen dalam pelbagai bidang.

Sekian, terima kasih.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA (SOALAN 43)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 8 NOVEMBER 2011 ( SELASA)

DARIPADA Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO  
[ HULU RAJANG ]

SOALAN

Y.B. DATUK BILLY ABIT JOO [ HULU RAJANG ] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan berkenaan harga rumah kini yang semakin meningkat dari setahun ke setahun serta permintaan yang melampaui pengeluaran untuk rumah-rumah kos rendah dan sederhana, kenapakah harga rumah meningkat dengan begitu mendadak apakah sebab-sebab yang dikenal pasti sebagai punca utama masalah ini adakah ianya berpunca daripada peningkatan kos bahan atau pekerja atau semata-mata disebabkan ekonomi pasaran, dan apakah langkah-langkah yang diambil pihak Kementerian untuk menangani masalah ini.

## JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan harga rumah ditentukan oleh beberapa faktor penting seperti kos tanah, kos bahan binaan dan kos buruh serta faktor permintaan dan penawaran di sesuatu kawasan. Buat masa ini, Kerajaan hanya mengawal harga rumah kos rendah manakala harga jenis rumah-rumah lain ditentukan sendiri oleh faktor pasaran (*market forces*).

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memantau harga rumah dan jika perlu akan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian bagi memastikan harga rumah tidak meningkat disebabkan oleh faktor spekulasi. Kerajaan telah mengambil inisiatif memperkenalkan Program Perumahan 1 Malaysia di mana Kerajaan akan menyediakan Tabung Mudah Cara untuk mengurangkan kos pembinaan rumah kos sederhana untuk memberi peluang kepada golongan berpendapatan sederhana bagi memiliki rumah berharga antara RM 150,000 - RM300,000. Di samping itu,

Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengenakan had nisbah pinjaman kepada nilai (*loan-to-value*) maksimum sebanyak 70 peratus bagi pinjaman ketiga untuk mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran perumahan yang bertujuan untuk menstabilkan harga rumah.

Kementerian  
Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

November 2011